

Headline	Dana BIMB i Flexi Fund fleksibel mengikut keadaan pasaran		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	52	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	190 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,652
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,956



# Dana BIMB i Flexi Fund fleksibel mengikut keadaan pasaran

**JOHOR BAHRU** – BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) memerlukan BIMB i Flexi Fund yang merupakan dana aset ampuran patuh Syariah, distrukturnya untuk menawarkan peluang peningkatan modal angka masa panjang kepada elabur.

Pengerusi BIMB Investment, Datuk Seri Zukri Sanat berkata, bagi mencapai matlamat pelaburan, dana berkenaan akan dilabur dalam pelbagai portfolio ekuiti dan instrumen berpendapatan tetap.

Dana tersebut turut menggunakan strategi peruntukan aset yang fleksibel untuk dipadankan dengan keadaan asaran.

Menurutnya, BIMB i Flexi Fund direka sedemikian sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan pasaran dan bertujuan untuk memenuhi keperluan pelanggan



ZUKRI (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Investment, Nazaruddin Othman pada majlis pelancaran dana baharu di Johor Bahru semalam.

yang semakin sofistikated.

"Pada asasnya, apabila pasaran ekuiti memberangsangkan, dana tersebut akan menumpukan peruntukan asetnya dalam pasaran ekuiti

dan mengurangkan peruntukan dalam pelaburan pendapatan tetap.

"Apabila pasaran ekuiti lemah, tumpuan kepada pasaran ekuiti dikurangkan dan

tumpuan yang lebih diberikan kepada pelaburan pendapatan tetap.

"BIMB i Flexi Fund mempunyai fleksibiliti untuk melabur sehingga 99 peratus daripada nilai aset bersih dana di dalam ekuiti patuh Syariah atau boleh melabur sehingga 99 peratus daripada NAB dana di dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada majlis pelancaran dana berkenaan di sini semalam.

Zukri yang juga Pengarah Urusan Bank Islam berkata, dana-dana BIMB Investment yang sedia ada tidak mempunyai fleksibiliti ini seperti dana BIMB i Growth.

BIMB i Flexi merupakan produk unit amanah runcit yang keenam ditawarkan oleh BIMB Investment, anak syarikat milik penuh Bank Islam.